

VDW menawarkan pakej perkhidmatan yang menyeluruh bagi EMO Hannover 2019

Kuala Lumpur, Malaysia, 16 Januari 2019. - EMO Hannover 2019, pesta dagang pertukangan logam yang terkemuka di dunia, akan berlangsung dari 16 hingga 21 September. Pesta dagang ini dianjurkan oleh VDW (Verein Deutscher Werkzeugmaschinenfabriken), Frankfurt am Main, Jerman, bagi pihak Persatuan Perkakas Mesin Eropah (Cecimo) dari Brussels, Belgium, dengan kerjasama Deutsche Messe AG, Hanover, Jerman. VDW ialah jurucapak industri perkakas mesin Jerman dan antara sebilangan kecil persatuan industri yang menganjurkan pesta dagang antarabangsa bagi pihaknya sendiri untuk industri yang diwakilinya. VDW mempunyai pengalaman bertahun-tahun dalam bidang ini. Mohor kualiti, "Pesta dagang anjuran VDW" telah menjadi lambang acara yang berjaya. Selain EMO Hannover, VDW juga menganjurkan METAV di Düsseldorf, iaitu pesta dagang antarabangsa bagi teknologi pertukangan logam (tarikh yang seterusnya: 10 hingga 13 Mac 2020).

VDW, bersama dengan Persatuan Perkakas Mesin Dan Sistem Perkilangan Jerman (Fachverband Werkzeugmaschinen und Fertigungssysteme) dalam VDMA (Verband Deutscher Maschinen und Anlagenbau), mempunyai lebih kurang 300 ahli. Kedua-duanya mewakili kira-kira 90 peratus daripada jumlah jualan industri di Jerman. VDW memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selaku penganjur EMO Hannover 2019, VDW menawarkan kepada pengunjung dan pempamer barisan perkhidmatan yang menyeluruh dengan kerjasama Deutsche Messe AG: pendaftaran dalam talian untuk pengunjung dan pempamer, orang hubungan melalui wakil-wakil asing Deutsche Messe AG dalam bahasa kebangsaan, bantuan dengan visa, tawaran tambang penerbangan dan kereta api yang menarik ke EMO Hannover, maklumat dalam talian dalam sembilan bahasa, bantuan peribadi untuk delegasi asing, lawatan bertema dan banyak lagi. Maklumat terperinci boleh didapati pada Internet di www.emo-hannover.de.

Para wartawan boleh mendapatkan maklumat yang terkini tentang EMO Hannover 2019 dalam bahasa Inggeris dan Jerman di ruangan akhbar laman <http://www.emo-hannover.de>. Siaran

akhbar yang penting juga boleh didapati dalam bahasa Sepanyol, Itali, Portugis, Perancis, Cina, Jepun dan Rusia. Selain fakta dan angka tentang acara itu, wartawan juga boleh mendapatkan butir-butir mengenai setiap pempamer dan produknya. Semua siaran akhbar dan berbilang gambar boleh dimuat turun. Maklumat ini diiringi gambar-gambar yang bergerak. Wartawan juga boleh mendaftarkan diri sebagai penerima Surat Berita EMO, yang akan memaparkan berita tentang pesta dagang ini daripada VDW dan para pempamer dalam bahasa Inggeris atau Jerman. Kami juga akan menyediakan petua tentang cara berkunjung dan menginap di Hanover dan banyak lagi.

Orang hubungan di tapak

Cik Fong Lai-Lyn
Pengarah Penjualan
Messe Worldwide Sdn Bhd
(Wakil Rasmi Deutsche Messe AG di Malaysia dan Singapura)
Tel: +603 7803 2276 +6012-502 9632
E-mel: lailyn@messeww.com